



Headline: Rugi RM24,000 ditipu sindiket scam  
Publication/Portal: Utusan Malaysia  
Date: 24 March 2019

Language: Malay  
Section: Dalam Negeri  
Page: 69

# Rugi RM24,000 ditipu sindiket scam

**PULAU PINANG 23 Mac** - Seorang pekerja di sebuah kilang di Bayan Lepas di sini kerugian RM24,000 setelah terperdaya dengan sindiket scam yang menyamar sebagai anggota polis, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Superintenden A. A. Anbalagan berkata, mangsa seorang wanita berusia 43 tahun itu menerima panggilan kononnya daripada kakitangan Hospital Besar Pulau Pinang yang memperkenalkan diri dengan nama Christopher Anak Anor, kira-kira pukul 2 petang.

“Christopher menyatakan bahawa seorang individu nama

“Mangsa seorang wanita berusia 43 tahun itu menerima panggilan kononnya daripada kakitangan Hospital Besar Pulau Pinang yang memperkenalkan diri dengan nama Christopher Anak Anor, kira-kira pukul 2 petang.”

**A. A. Anbalagan**

Lee Song menggunakan MyKad mangsa untuk mengambil ubat terkawal di Hospital Seberang Prai dan Hospital Pulau Pinang, namun mangsa menafikan men-



genali individu tersebut.

“Christopher meminta mangsa membuat laporan polis dan mangsa disambungkan menerusi telefon untuk bercakap de-

ngan Sarjan Tony yang kemudiannya menyatakan bahawa nama mangsa disenarai hitam kerana terlibat dengan jenayah senjata api,” katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Menurutnya, mangsa diberitahu bahawa dia ditangkap dan diminta untuk membuat pembayaran jika tidak mahu ditangkap.

“Pada hari sama, mangsa melakukan empat transaksi atas talian berjumlah RM24,000 menerusi nombor akaun CIMB.

“Selepas itu mangsa diminta untuk membuat bayaran lagi dan mangsa menyedari telah ditipu lalu melaporkan kejadian ini kepada pihak polis,” katanya.